

## FSSA, CIFOR Indonesia Giatkan Penyelidikan Sains Perhutanan

Terakhir dikemaskini: Rabu, 21 November 2018 15:00 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 124

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)**RABU, 21**

**NOVEMBER** - Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Pusat Penyelidikan Perhutanan Antarabangsa (CIFOR), Indonesia bakal mempergiatkan lagi aktiviti penyelidikan berkaitan Sains Perhutanan melalui kerjasama strategik antara kedua-dua institusi.

Hasrat bagi menjayakan usaha tersebut dizahirkan melalui upacara menandatangani *Letter of Intent* (LOI) antara kedua-dua pihak dalam satu majlis yang berlangsung di Bilik Seminar, Kompleks Perhutanan FSSA baru-baru ini.

Dekan FSSA, Prof. Dr. Baba Musta ketika berucap pada majlis tersebut berkata, kedua-dua pihak dijangka akan menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan sains perhutanan, pendidikan dan kerjasama penyelidikan.

“Di bawah kerjasama ini, kedua-dua pihak berhasrat untuk bekerjasama dalam membangunkan aktiviti penyelidikan bersama, mencari pembiayaan penyelidikan untuk membiayai penyelidikan kolaboratif, pembangunan dan latihan serta perkongsian maklumat dalam bidang yang mempunyai kepentingan bersama.

“Adalah diharapkan LOI yang ditandatangani ini dapat dinaik taraf kepada Memorandum Persefahaman (MOU) dalam masa terdekat sekali gus membawa faedah bersama kepada kedua-dua pihak,” katanya.

Beliau menambah, perkembangan jalinan kerjasama antara kedua-dua pihak dilihat agak positif, dengan terdapat pelajar FSSA pada masa ini yang sedang terlibat dalam projek bersama CIFOR berkaitan perubahan politik, perubahan iklim dan kesannya terhadap penduduk tempatan di Sabah.

Kerjasama antara UMS dan CIFOR menyaksikan kedua-dua pihak akan terlibat dalam kegiatan penyelidikan merangkumi isu-isu seperti perubahan landskap luar bandar dan penghijrahan, sumbangan hutan dalam penyesuaian iklim, penyelidikan mengenai pengurusan hutan, perhutanan sosial, kebakaran dan jerebu, serta penyelidikan mengenai perkhidmatan alam sekitar hutan dan pengurusan hutan lestari.

Sumber : Kenny Uwai, FSSA